

Pelajar Sabah terima anugerah kecemerlangan

UB 27.11.2011 A3

KOTA KINABALU: Datang daripada keluarga sederhana bukan penghalang kepada Salmiahwati Djafar meraih kejayaan cemerlang sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kali Ke-13 tahun ini.

Anak ketiga daripada lapan orang adik-beradik ini adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Sejarah) yang berjaya memperolehi keputusan PNGK 3.72.

Menurutnya, tidak ada petua rahsia yang diamalkan, hanyalah fokus dan beri perhatian penuh di dalam kelas yang menjadi faktor kejayaannya.

"Saya belajar seperti rakan lain juga dan bersama-sama mengulangkaji pelajaran," katanya yang berasal dari Batu 7 Sandakan ini.

Dia berkata, dorongan ibu bapa serta ahli keluarga lain banyak membantu dan memberi semangat kepadanya sepanjang berada di

TERBAIK ... Salmiahwati yang juga penerima Anugerah Pelajar Diraja ketika bersedia untuk memasuki dewan.

UMS.

Ini kerana jelasnya, sebagai anak pertama antara adik-beradik lain yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, menjadi tanggungjawabnya untuk membuat yang terbaik.

Anak kepada pemandu kereta tunda serta surirumah ini sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana di UMS dalam bidang kajian Sejarah Eropah.

"Saya sebenarnya bercita-cita untuk menjadi pensyarah, justeru dengan meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana sekarang, saya berharap ia akan membantu saya untuk mencapai apa yang dicita-citakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas ditemui pada Majlis Konvokesyen Kali Ke-13 UMS di sini kelmarin.

Sementara itu, seorang lagi penerima Anugerah Pingat Emas Canselor, Chia Yee Shin berpendapat, anugerah yang diperolehinya adalah kejayaan yang paling bermakna dalam hidupnya.

Dia yang tidak menjangka akan menerima

anugerah berkenaan turut berkongsi kegembiraan dengan ibu bapa serta ahli keluarga yang lain.

Chia yang berasal daripada Kota Kinabalu ini adalah anak bongsu daripada dua adik-beradik.

Katanya, belajar tidak semestinya pergi ke kelas dan membuat tugas semata-mata, tetapi jelasnya, seorang pelajar perlu menanam minat terhadap bidang pengajian yang diikuti bagi membantu mencapai kejayaan.

"Pengalaman yang paling berharga sepanjang berada di UMS adalah ketika menyiapkan projek yang mana dari situ saya banyak menimba pengalaman dan ilmu.

"Saya perlu memulakan semuanya dari bawah dan hasil usaha gigih serta keyakinan yang ada dalam diri memberi ruang kepada saya untuk lebih mengenali bidang kejuruteraan," katanya.

Dia juga sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang kejuruteraan elektrik

CEMERLANG ... Chia gembira dengan kejayaan yang diperolehinya.

